

MAHATHIR - KESELAMATAN

1981

KUALA LUMPUR, 8 JUN (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN MALAYSIA TIDAK BERNIAT UNTUK MENJADI PROKSI KEPADA MANA-MANA KUASA BESAR ATAU DIJADIKAN SASARAN.

KATANYA, SESUAI DENGAN PENDIRIAN MAHUKAN KEAMANAN DUNIA, MALAYSIA TELAH MENEGASKAN BERKALI-KALI SUPAYA KUASA-KUASA BESAR TIDAK CAMPURTANGAN DALAM HAL EHWAL NEGARA-NEGARA ASING.

+KITA KHUAT IR CAMPURTANGAN SEDEMIKIAN JIKA BERTERUSAN DAN BERKEKALAN AKAN MENJADI FAKTOR YANG MUNGKIN MENCETUSKAN PEPERANGAN DI ANTARA KUASA-KUASA BESAR+, KATA BELIAU.

TIMBALANPERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah Yang Pertama Anjuran Majlis Keselamatan Negara Di Sini.

HENURUT BELIAU DEKAD LAPAN PULUHAN MEMPERLIMATKAN PERSAINGAN HEBAT DI ANTARA KUASA-KUASA BESAR DUNIA DENGAN MASING-MASING BERUSAHA MENDAPATKAN KAWASAN-KAWASAN STRATEGIK MELALUI CARA LANGSUNG ATAU PENGGUMAHAN PROKSI.

UNTUK MAKSUD ITU, KUASA-KUASA BESAR TERSEBUT GIAT BERUSAHA UNTUK MENDAPATKAN LEBIH BANYAK NEGARA-NEGARA KECIL YANG SANGGUP TUNDUK DI BAWAH ARAWAN DAN KAWALAN POLITIK MEREKA. —BERSAMBUNG 1622/MD

B561

MAHATHIR-KESELAMATAN 2 KUALA CUMPUR

MEREKA JUGA CUBA MEREBut KUASA DAN MENGAWAL EKONOMI NEGARA-NEGARA PEWGE LUAR BAHAN MENTAH SERTA PASARANNYA.

TEGAS BELIAU WALAUPUN DARI SEGI HUBUNGAN DIPLOMASI MEREKA SECARA ZAHIR MENUNJUKKAN SIFAT PERSAHABATAN DAN BERBAIK-BAIK TETAPI SECARA ZAHIR MENUNJUKKAN SIFAT PERSAHABATAN DAN BERBAIK-BAIK TETAPI SECARA HALUS MANIPULASI TERTEMTU MASIH DIJALANKAN UNTUK MENCAPAI MATALAMAT MEREKA SUPAYA NEGARA-NEGARA BERKECUALI AKAN TERTAKLUK KEPADA PENGARUH MEREKA.

+WALAU APAPUN YANG MENJADI SEBAB PERGELUTAN KUASA-KUASA BESAR, AKIBATNYA IALAH NEGARA YANG KECIL YANG BERKECUALI SEPERTI MALAYSIA YANG AKAN MENJADI MANGSA+, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM PERGELUTAN KUASA-KUASA BESAR INI BIASANYA ORANG-ORANG YANG SUDAH TERSISIH DAN TIDAK MEMPUNYI TEMPAT AKAN MENYUMBANGKAN DIRI MEREKA SEBAGAI ALAT SAMA ADA DENGAN DIKETAHUI OLEH MEREKA ATAU TIDAK.

+OLEH ITU KITA HARUS BERHATI-HATI SUPAYA TIDAK DIPERALATKAN SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG+ BELIAU BERKATA.

MENGENAI RANTAU INI, BELIAU BERKATA PERSAINGAN CITA-CITA DAN HASRAT DI KALANGAN KUASA-KUASA KOMUNIS UNTUK BERKUASA TELAH MEMBAWA KEPADA TERCETUSNYA PEPERANGAN DI ANTARA VIETNAM DENGAN KAMPUCHEA DAN CHINA DENGAN VIETNAM. —BERSAMBUNG 1630/MD

143

MAHATHIR - KESELAMATAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN CABARAN DALAM DEKAD LAPAN PULUHAN ITU CUMA BOLEH DIATASI OLEH NEGARA DENGAN MENJADI BERDIKARI DALAM SEBERAPA BANYAK BIDANG YANG MUNGKIN.

+INI ADALAH SATU HAKIKAT YANG TERPAKSA DITERIMA KERANA PADA AKHIRNYA KEMAMPUAN SESEBUAH NEGARA MEMPERTAHANKAN KESEBASANNYA SENDIRI YANG MENENTUKAN MASA DEPANNYA, + TEGAS BELIAU.

BELIAU BERKATA NEGARA INI PERLU MELENGKAPKAN KEMAMPUAN DARI SEGI KETENTERAAN SUPAYA DAPAT MENGAMBIL TANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA UNTUK PERTAHANAN NEGARA.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, PEMBESARAN PASUKAN KESELAMATAN TANPA KEKUATAN EKONOMI TIDAK AKAN MEMBERI MAKNA KERANA AKAN MEINGKATKAN PERGANTUNGAN KEPADA KUASA-KUASA BESAR YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN BERBEDA.

+PEMBANGUNAN EKONOMI KITA TIDAK AKAN DAN TIAK HARUS TERJEJAS DENGAN SEBARANG TAMBAHAN PERBELANJAAN UNTUK PERTAHANAN.

+SEBALIKNYA IA HARUS MENJADI DORONGAN KE ARAH PEMBANGUNAN EKONOMI YANG LEBIH PESAT, + UJAR BELIAU.

BELIAU MENEGASKAN FAKTOR UTAMA DALAM KETAHANAN NEGARA ADALAH PERANAN DAN PENGLIBATAN RAKYAT SECARA MENYELURUH HASIL DARI KESEDARAN TERHADAP MASALAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA.

—BERSAMBUNG 1641/AH

B563

MAHATHIR - KESELAMATAN 4 KUALA LUMPUR

KEBANGKITAN SEMANGAT KENEGARAAN ATAU PATRIOTISMA PERLU DITINGKATKAN DI KALANGAN RAKYAT NEGARA INI SUPAYA MEREKA CINTA DAN KASIHKAN NEGARA HINGGA SANGGUP MEMPERTAHANKANNYA DENGAN NYAWA SEKALIPUN.

+SEMANGAT YANG MELETAKKAN KEUTAMAAN KEPADA NEGARA DAN AKAN MERASAKAN BAHWA SETIAP SEORANG DARI KITA DI MANA KITA BERADA ADALAI LAMBANG DAN IMEJ NEGARA, + TAMBAHNYA.

+KITA PERCAYA SEKIRANYA SEMANGAT INI BERJAYA DISEMAIKAN DAN TUMBUH DENGAN SUBURNYA DI HATI RAKYAT, KITA JUGA AKAN DAPAT MUNCUL SEBAGAI SATU BANGSA YANG BERJAYA DAN DIHORMATI DI DUNIA. +

DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL KERANA TERDAPAT SEGOLONGAN RAKYAT YANG MASIH BELUM MEMPUNYAI SEMANGAT INI MALAH TIDAK MAHU MENYAMAKAN DIRI MEREKA DENGAN NEGARA SEOLAH-OLAH TANGGUNGJAWAB TERHADAP NEGARA ADALAH SEMATA-MATA TANGGUNGJAWAB KERAJAAN.

MEREKA INI SANGGUP MEMBURUK-BURUKAN NAMA DAN IMEJ NEGARA SENDIRI BUKAN SAHAJA DI DALAM NEGERI MALAH DI LUAR NEGERI DALAM FORUM-FORUM ANTARABANGSA DAN SEBAGAINYA.

DI DALAM NEGERI PULA, SERING KALI TENTANGAN YANG DITUJUKAN KEPADA KERAJAAN DATANG DARI KALANGAN RAKYAT YANG BERADA DI KAWASAN DI MANA PEMBANGUNAN TELAH DILAKSANAKAN.

PERSIDANGAN TIGA HARI ITU DIHADIRI OLEH 92 ORANG PEGAWAI DAERAH DARI SELURUH MALAYSIA.

—BERNAMA 1645/AH